

Jabatan Perkhidmatan
Awam Malaysia,
Tingkat 9-14, Bangunan
U.M.B.C.,
Jalan Sulaiman, Kuala
Lumpur.

7 hb Januari, 1974.

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 1 TAHUN 1974.

Pakaian masa bekerja dan semasa menghadiri Upacara-upacara Resmi bagi
Pegawai-
pegawai Kerajaan

Adalah dimaklumkan bahawa untuk mengemaskan pakaian Pegawai-pegawai Kerajaan sewaktu bertugas maka peraturan-peraturan yang di sebutkan dalam Surat Pekeliling iniu adalah ditetapkan.

2. I Pakaian Masa Bekerja

a) **Pakaian Untuk Lelaki:**

i) Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas

Cara yang ditetapkan dalam surat edaran yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perdana Menteri PM.13022 bertarikh 25hb Mac 1971 di [Lampiran 'A'](#) khususnya mengenai Pakaian Waktu Bertugas di Pejabat-pejabat patutlah diikuti oleh kerana pakaian seperti yang dicadangan itu iaitu pakaian berbentuk 'Bush Jacket' amatlah sesuai dipakai di pejabat. Walau bagaimanapun perlu ditegaskan bahawa supaya pakaian itu nampak kemas maka kualiti kain yang digunakan hendaklah sesuai dan setaraf dengan pegawai yang memakainya.

Sekiranya pakaian 'Bush Jacket' tidak digunakan, maka pakaian lain yang berupa baju kemeja serta bertali leher hendaklah dipakai. Jika seseorang pegawai itu memakai baju berlengan panjang, maka tangan baju hendaklah jangan dilipatkan keatas.

Pada hari Sabtu atau hari bekerja separoh hari tiada halangan bagi mereka yang tidak dikehendaki memakai unifom datang ke pejabat dengan pakaian baju batek berlengan panjang ataupun pendek.

ii) **Kumpulan lain selain daripada Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas**

Untuk pegawai-pegawai lain sekurang-kurangnya baju kemeja berlengan pendek yang berleher hendaklah dipakai dengan baju yang dimasukkan kedalam. Kakitangan-kakitangan yang diberi unifom ataupun pakaian seragam hendaklah memakai unifom tersebut. Pada hari Sabtu atau hari bekerja separoh hari baju batek juga dibenarkan bagi mereka yang tidak dikehendaki memakai unifom.

Tiap-tiap orang pegawai adalah dimestikan memakai kasut dan tidak memakai capal atau sandal.

b) Pakaian Untuk Wanita:

Bagi pegawai-pegawai wanita pakaian Baju Kurung, Baju Kedah, Baju Kebaya Pandek dan Baju Kebaya Labuh adalah dianggap sesuai dan pegawai-pegawai wanita hendaklah memakai mana-mana pakaian yang telah disebutkan itu semasa bekerja. Untuk pegawai-pegawai wanita bukan Melayu disamping pakaian yang telah disebutkan tadi mereka bolehlah memakai pakaian kebangsaan masing-masing.

Semua pegawai wanita tidaklah dihalang daripada memakai pakaian barat yang lengkap, tetapi pakaian-pakaian yang menjolok mata ataupun yang mendatangkan berahi tidak dibenarkan sama sekali.

3. II. Pakaian-pakaian Semasa menghadiri upacara-upacara Resmi

a) Pakaian Resmi (Formal) Untuk Lelaki:

Seseorang pegawai yang berhak memakai unifom ataupun dikehendaki memakai unifom yang khas hendaklah memakai unifom tersebut apabila menghadiri upacara-upacara resmi. Peraturan-peraturan seperti yang telah ditetapkan melalui surat edaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, JPA. SULIT 2578/Pt.1/35 bertarikh 8hb Jun 1970 di [Lampiran 'B'](#) mengenai Pakaian Seragam Bagi Pegawai-pegawai Tadbir dan Professional dalam Kumpulan Pengurusan dan Ikhtisas patutlah dipatuhi pada masa menghadiri istiadat-istiadat resmi yang berkehendakkan dzif-dzif jemputan memakai pakaian seragam atau pakaian resmi kebangsaan. Sekiranya pegawai itu tidak mempunyai unifom maka 'lounge suit' bolehlah dipakai kecuali jika peraturan pakaian khas ditentukan.

b) Pakaian Untuk Upacara Separuh Resmi :

Untuk upacara-upacara separuh resmi yang lain seperti menghadiri upacara-upacara pembukaan seminar adalah diputuskan bahawa pada peringkat kebangsaan (national) dimana tidak ada perwakilan daripada luar negeri, maka pakaian waktu bertugas di pejabat seperti di perenggan 2 hendaklah dipakai. Sebaliknya untuk upacara-upacara yang bercorak antarabangsa (international) maka pakaian 'lounge suit' hendaklah dipakai.

4. Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Ketua-ketua Jabatan adalah diminta menarik perhatian semua pegawai dan kakitangan di Kementerian dan Jabatan masing-masing berkenaan dengan peraturan-peraturan pakaian yang disebutkan dalam surat ini yang berkuatkuasa mulai daripada tarikh Surat Pekeliling ini dikeluarkan.

(DATUK ABDULLAH BIN AYUB)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

Malaysia.

Ketua Setiausaha Negara

Ketua-ketua Setiausaha Kementerian

Ketua-ketua Jabatan

Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan

Negeri

LAMPIRAN 'A'

Jabatan Perdana Menteri,
Malaysia,
Kuala Lumpur.

25hb Mach, 1971.

Semua Ketua Setiausaha2 Kementerian

Tuan,

**Pakaian Waktu Bertugas di-Pejabat2
dan juga Menghadziri Jamuan Teh dan
"Cocktail"**

Sebagai suatu usaha merengskakan pakaian di-pejabat2 dan di-dalam kera'ian2 yang tertentu dan juga menggalakkan pemakaian pakaian sa-ragam bagi pegawai2 Kerajaan, Y.A.B. Perdana Menteri telah bersetuju dengan beberapa bentuk pakaian yang di-lukiskan di-rajah yang di-kembarkan dengan surat ini.

2. Bagi pakaian semasa bertugas, ada 2 jenis bentuk yang telah di-persetujui, seperti chontoh di-dalam rajah 'A' dan 'B'. Adalah ditegaskan ia-itu jenis kain yang di-benarkan bagi pakaian kedua2 bentuk ini ialah sebarang kain melainkan kain batek ataupun kain yang berbunga.
3. Bentuk baju bagi majlis2 yang tidak resmi (informal occasions) ia-lah seperti didalam rajah 'C'. Kain untok baju ini bolehlah di-buat daripada apa jenis kain yang disukai. Adalah di-harap bentuk ini akan menjadi bentuk baju yang di-terima oleh semua pihak sebagai pakaian yang manasabah untok majlis2 tidak resmi yang lazim-nya dikehendakki dhif2 memakai "lounge suit". Baju bentuk ini akan di-terima sebagai pakaian yang manasabah menggantikan "lounge suit" di-majlis2 Jamuan Teh dan "Cocktail" yang di-selenggarakan oleh Kerajaan, melainkan peratoran pakaian khas ditentukan d-dalam kad2 jemputan untok majlis2 tersebut.
4. Saya ingin menegaskan ia-itu pegawai2 Kerajaan di-galakkan memakai pakaian2 yang di-nyatakan di-dalam surat ini. Bagaimanapun, pegawai2 hendak-lah menggunakan budibichara masing2 bagi memakai pakaian yang manasabah semasa manghadziri mesyuarat, persidangan2 dan lain2 perjumpaan resmi kebangsaan atau antarabangsa.
5. Kandongan surat ini hendaklah di-sebarkan saluas2-nya untok ma'aluman dan panduan semua pegawai.


Saya yang menurut perintah,

(TAN SRI ABDUL KADIR BIN
SHAMSUDDIN)

Ketua Setiausaha Negara.

s.k. Semua Y.B. Setia Usah Kerajaan
Negeri.

BAJU UNTUK PAKAI SEMASA BERTUGAS DI-PEJABAT



POTONGAN BAJU

1. Apa corak kain dan warna yang disukai
2. 4 poket seperti yang ditunjukkan dalam rajah di atas.
3. Tangan panjang atau pendek
4. Bertali pinggang atau tidak

POTONGAN SELUAR

Seluar bagi baju ini, hendaklah dari kain dan warna yang serupa.

BAJU UNTUK PAKAI SEMASA BERTUGAS DI-PEJABAT



POTONGAN BAJU

1. Kain Coat nipis atau kain yang sama dengan "A". Warna kain, ikut di-sukai, tetapi tidak boleh kain batek atau berbunga.
2. Potong 'Half Coat'.
3. Tangan Pendek.
4. 3 poket, 2 di bawah dan 1 di-Atas.
5. 4 buttons. Belah dua di-rusok belakang.
7. Laboh-nya mengikut laboh baju 'Coat'.

POTONGAN SELUAR

1. Seluar untuk baju ini, tidak perlu kain yang sama.

BAJU UNTUK PAKAI WAKTU MENGHADIRI JAMUAN

Baju ini boleh digunakan untuk 'informal occasion' sebagai ganti pakaian 'Lounge Suit' seperti menghadiri Jamuan Teh dan 'Cocktail'.

**POTONGAN BAJU**

1. Kain batak, apa corak yang disukai.
2. Tangan kemeja.
3. 3 poket, 2 di bawah dan 1 di atas, bagaimana yang ditunjukkan.
4. Tengkok tinggi telok belanga.
5. Belah di dua-dua rusuk bawah.
6. Labuhnya mengikut labuh baju 'Coat'.

LAMPIRAN 'B'

Jabatan Perkhidmatan Awam
Malaysia,
Rumah Persekutuan,
Kuala Lumpur.

8hb. Jun, 1970.

Dato/Tuan,

Pakaian Seragam bagi Pegawai2 Tadbir dan Professional Dalam Bahagian I

Dengan hormat-nya saya di-arah mema'alumkan ia-itu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Malaysia, telah mengarahkan supaya di-adakan pakaian seragam bagi semua Pegawai2 Tadbir dan Professional untok di-pakai pada menghadiri isti'adat2 resmi yang berkehendakkan mereka itu memakai pakaian seragam atau pakaian resmi Kebangsaan. Kerajaan tidak bertujuan hendak memaksa dan memakai-nya ada-lah terpulang kepada sa-saorang pegawai itu sendiri.

2. Pakaian seragam yang di-maksudkan ada-lah pakaian yang di-gunakan oleh Pegawai-pegawai Perkhidmatan Dalam Dan Luar Negeri2 Malaysia sekarang. Dua jenis pakaian telah di-persetujukan, satu kerana isti'adat resmi pada siang hari dan satu lagi pakaian jamuan malam. Butir2 berkenaan dengan pakaian itu ada-lah di-sertakan berasama2 ini bagi panduan Dato/tuan. Segala perbelanjaan kerana membuat atau membeli barang-barang itu hendaklah di-keluarkan oleh pegawai itu sendiri.

3. Dato/Tuan boleh menempah di-mana2 kedai pun yang Dato/Tuan suka tetapi adalah di-minta ia-itu warna dan jenis kain dan bentok perbuatan-nya hendak-lah serupa. Georgette patch, kanching dan lenchana Malaysia boleh dapat di-beli daripada Jabatan ini dengan harga \$25.40 semua-nya.

Demikianlah-lah ada-nya.

Saya yang menurut perintah,

(TAN SRI SYED ZAHIRUDDIN BIN
SYED HASSAN)

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,
Malaysia.

Ketua Pentadbir Hal Ehwal Awam

Ketua Setia Usaha Negara

Setia Usaha Tetap/Setia Usaha,

Kementerian

Ketua2 Jabatan Persekutuan

Salinan Y.B. Setia Usaha Kerajaan Negeri, Malaysia Barat

:

" Y.B. Setia Usaha Tetap kepada YAB Ketua Menteri, Sabah
Setia Usaha Kerajaan, Sarawak.

ALAT-ALAT PAKAIAN SERAGAM BAGI PEGAWAI-PEGAWAI TADBIR DAN PROFESSIONAL


(A) PAKAIAN WAKTU SIANG

- (a) Songkok - Warna hitam, tinggi 4" dan di tengah-tengah-nya berlilit dengan empat baris benang emas. Harga \$10.00 Pegawai keturunan Sikh boleh memakai serban hitam yang dibelit benang emas seperti yang digunakan pada songkok.
- (b) Baju - Warna Puteh (off white terylene wool worsted) berbutang lima. Dua kocek sebelah atas bertutup. Tutup kocek itu mestilah yang cara berbucu dan berbutang satu. Bajunya mesti-lah labuh, empat tulang belakang dengan dua "side Vents". Tangan berbutang tiga dan lipatnya berbucu. Harga \$90.00.
- (c) Seluar - Seluar warna hitam (Black worsted) dengan kelim tulang belut hitam (clack piping). (Seluar ini boleh dipakai pada waktu malam). Harga \$75.00.
- (d) Kasut - Kasut kulit hitam kilat yang tiada bertali dan tidak berbunga, tetapi bukannya "casual".
- (e) Stoking - Berwarna hitam. Harga \$3.50.
- (f) "Georgette Patch" - Dua garisan benang emas dengan bulan dan bintang 14 bucu diperbuat daripada tembaga tanahnya berwarna hitam.

(B) PAKAIAN WAKTU MALAM

- (a) Baju - "Monkey Jacket" (White Dacron) yang biasa dengan kelopak baju berupa "shawl" (shawl lapel) dan di atasnya disematkan lencana Malaysia yang diperbuat daripada tembaga. Harga \$40.00.
- (b) Seluar - Serupa dengan seluar pakaian siang iaitu berwarna hitam dengan kelim tulang belut hitam (black piping). Harga \$75.00.
- (c) Kemeja - Puteh yang digunakan khas intuk jamuan malam (ordinary dress shirt). Harga \$22/-.
- (d) Bow - Warna hitam yang dua lapis. Harga \$2.90.
- (e) Bengkong - Warna hitam diperbuat daripada sutra. Harga \$9.90.
- (f) Kasut - Warna hitam diperbuat daripada kulit kilat dan bertali.
- (g) Stocking - Berwarna hitam. Harga \$3.50.

PAKAIAN SIANG



BELAKANG

PAKAIAN MALAM

